

## Polisi Insurans QBE Private Car Protector

### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **Polisi Insurans Private Car Protector**.

#### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan insurans terhadap liabiliti terhadap pihak lain untuk kecederaan atau kematian, kerosakan kepada harta benda pihak lain dan kerosakan akibat kemalangan atau kerosakan kebakaran kepada kenderaan anda atau kecurian kenderaan anda dengan syarat bahawa kerosakan atau kerugian berlaku dalam Tempoh Insurans.

#### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

##### **Polisi ini melindungi:**

- a) Kecederaan tubuh badan atau kematian pihak ketiga
- b) Kerugian atau kerosakan harta benda pihak ketiga
- c) Kerugian atau kerosakan kepada kenderaan anda sendiri disebabkan oleh kebakaran yang bukan disengajakan, kecurian atau kemalangan
- d) Pengecualian penambahbaikan ('betterment') sehingga 10 tahun
- e) Perlindungan ehsan sehingga 5% daripada jumlah yang diinsuranskan atau maksimum RM5,000 akibat kerugian sepenuhnya atau kecurian
- f) Kos pengantian kunci untuk kerosakan akibat kecurian ragut atau pecah masuk kenderaan sehingga RM500

##### **Manfaat pilihan yang boleh dibeli dengan membayar premium tambahan:**

- a) Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam
- b) Kaca cermin depan, tingkap atau bumbung matahari yang pecah
- c) Perlindungan Liabiliti Penumpang
- d) Perlindungan Tambahan Bencana Khas – Banjir, Ribut Kencang, Gempa Bumi, Tanah Runtuh
- e) Aksesori Kenderaan
- f) Elaun Perbelanjaan Sendiri (Elaun Kereta Ganti, Pembayaran Balik Penginapan Hotel, Sembur Cat Seluruh Kereta)
- g) Perlindungan Bencana Khas berdasarkan kerugian pertama
- h) Kos pembersihan akibat kerosakan air
- i) Perlindungan Pemandu Dan Penumpang

Manfaat pilihan ini tidak lengkap. Sila rujuk cawangan atau ejen-ejen kami untuk manfaat tambahan lain yang ditawarkan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi **QBE Insurance (Malaysia) Berhad** atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### **NOTA:**

**ia adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara ini tanpa melanjutkan perlindungan liabiliti Penumpang untuk insurans motor anda.**

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

### **3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?**

Untuk perlindungan bukan tarif, jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza-beza bergantung kepada kemungkinan tuntutan dibuat di bawah polisi anda pada masa hadapan dan pelbagai faktor lain, contohnya jumlah yang diinsuranskan bagi kenderaan, usia kenderaan, buatan & model, umur orang yang diinsuranskan dan pengalaman memandu pemilik dan pemandu dan kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) dan lain lain

\*Jumlah yang diinsuranskan ini adalah menurut nilai pasaran semasa kenderaan berdasarkan Sistem ISM-ABI (Automobile Business Intelligence).

### **4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

#### **Jenis**

- Komisyen dibayar kepada ejen insurans
- Duti Setem
- \*Cukai Perkhidmatan

#### **Jumlah**

- Sehingga 10% daripada premium yang dicaj
- RM10
- 8% daripada premium yang dicaj

*\*QBE Insurance (Malaysia) Berhad memelihara hak untuk menyesuaikan kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas premium polisi mengikut sebarang perubahan kepada undang-undang dan garis panduan cukai perkhidmatan. Sebarang modifikasi akan dilaksanakan mengikut perubahan rangka kerja undang-undang yang sedia ada dari semasa ke semasa.*

### **5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?**

- **Kepentingan Pendedahan**

- a) **Kontrak Insurans Pengguna**

Selaras dengan Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda telah memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk memberi perhatian yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan yang diperlukan oleh Syarikat secara penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan, atau ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran atau perubahan terma, atau penamatan kontrak.

- b) **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Selaras dengan Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda telah memohon Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan, atau ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran atau perubahan terma, atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan untuk Kontrak Insurans Pengguna dan BukanPengguna akan berterusan sehingga masa kontrak itu ditandatangani, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami serta-merta sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak Insurans anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami, mana-mana maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Anda mesti memastikan bahawa kenderaan anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai.
- Ekses, iaitu jumlah kerugian yang perlu anda tanggung jika kenderaan anda dipandu oleh orang yang tidak disebutkan dalam polisi anda: RM 400.00.
- Prosedur tuntutan - Notis hendaklah diberikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat mungkin tentang sebarang kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi dengan memberikan penyataan terperinci secara bertulis kepada kami.
- Premium mesti dibayar sebelum perlindungan berkuat kuasa

## **6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerosakan atau kerugian akibat perkara berikut:

- a) Kematian atau kecederaan tubuh anda sendiri akibat kemalangan kenderaan
- b) Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda
- c) Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada kejadian semula jadi, contohnya banjir, ribut atau tanah runtuh
- d) Sekiranya kenderaan dipandu semasa di bawah pengaruh alkohol atau dadah
- e) Risiko perang
- f) Keganasan
- g) Reaksi nuklear, senjata nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif
- h) Kerugian turutan dalam apa jua bentuk
- i) Sukan atau perlumbaan motor
- j) Berlaku di luar kawasan Geografi Malaysia, Brunei dan Singapura

### **NOTA:**

*Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.*

## **7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak mendapatkan pemulangan premium berdasarkan kadar jangka pendek dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan. Apa-apa premium minumum yang dibayar di bawah polisi ini tidak akan dipulangkan.

## **8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan terhadap butiran hubungan / peribadi saya?**

Penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya.

## **9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans Motor, sila rujuk buku risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Motor', yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada ejen insurans atau lawati [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Nama Syarikat	: QBE Insurance (Malaysia) Berhad
Alamat	: No.638 Level 6, Block B1, Leisure Commerce Square, No. 9 Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya, Selangor.
Tel	: 03 7861 8400
Faks	: 03 7873 7430
Emel	: info.mal@qbe.com

## **10. Perlindungan Kemalangan Diri lain yang ditawarkan**

- a) Perlindungan pihak ketiga
- b) Perlindungan pihak ketiga, kebakaran dan kecurian

### **NOTA PENTING:**

**ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHWA KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI YANG BERPATUTAN KERANA IA AKAN MEMPENGARUHI JUMLAH YANG BOLEH ANDA TUNTUT. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. SEKIRANYA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGEJELAKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MENDAPATKA N MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang terdapat di dalam risalah pendedahan ini diterbitkan pada 23/09/2024 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.